

Kaedah Pengukuran Holistik dalam Pembelajaran Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV)

Zulkifli Mohd Sidi A.M.N (Ph.D)¹

¹Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jalan Petani 19/1, Seksyen 19, 40900, Shah Alam, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author

Email: *zulkifli@ciast.gov.my

Received 31 August 2019;
Accepted 20 December
2019; Available online 15
January 2020

Abstrak (Malay): Pendidikan, Latihan Teknikal & Vokasional (PLTV) memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan dan latihan Malaysia. Ia berjaya menyumbang dengan signifikan sekali kepada laluan kerjaya pelajar di industri. Ianya juga merupakan aset penting di dalam pembangunan sosio-ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi. Kertas ini bertujuan menyemak semula kerangka pengukuran pencapaian pelajar bagi memenuhi kriteria pencapaian intelektual, fizikal dan kerohanian. Perubahan landskap sistem pendidikan dan latihan negara sekaligus memberi peluang memperkasakan lagi kualiti proses pengukuran pencapaian pelajar. Berdasarkan kajian dan pemerhatian penyelidik didapati bahawa pengukuran pencapaian hampir memberikan tumpuan kepada aspek kefahaman kognitif dan kemahiran psikomotor sahaja. Namun kurang perhatian kepada pengukuran nilai-nilai kemanusiaan yang merujuk kepada aspek afektif nilai-nilai kemanusiaan. Penyelidik menggesa untuk merujuk pengukuran bersifat kefitrahan kemanusiaan yang ditentukan oleh aspek fizikal (jasmani), intelektual (minda) dan kerohanian (hati, nafsu & ruh). Dengan itu, pengukuran holistik adalah bertepatan dengan sifat keupayaan potensi kemanusiaan yang wajar diambil untuk pertimbangan. Keseimbangan nilai pengukuran terhadap keupayaan pelajar sektor PLTV juga disepadukan supaya kerangka pengukuran pencapaian pelajar lebih holistik.

Kata Kunci: Pendidikan Latihan Teknikal & Vokasional (PLTV), latihan kemahiran, pencapaian prestasi, keseimbangan pengukuran & aspek afektif.

Abstract: Technical & Vocational Education and Training (TVET) play important role in Malaysia's education and training system. It has contributed significantly to the career path of students in the industry. It is an essential asset in socio-economic development towards a high-income nation. This paper aims to reviewing the measuring framework of student attainment to meet the intellectual, physical and spiritual criterion. The changes of the country's education and training system landscape given the opportunities to further strengthen the quality of measurement processes. By the survey and observations founded that student's measurements almost focused on cognitive comprehension and psychomotor abilities aspect. But less to the measurement of human values which refers to the affective aspects of human values. The author urges to refers measurement of the humanity nature of potentials which determined as physical (body), Intellectual (mind) and soul (hearts, lust & spirit). Hence, a holistic measurement coincides with nature of human potentials capability and should takes as a consideration. The balance of values on the ability of the TVET sector students should be integrated so that the measurement of student achievement is more holistic.

Keywords: Technical & Vocational Education and Training (TVET), skill training, performance attainment, balance measurement & affective aspect.

1. Pengenalan

Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical & Vocational Education and Training - TVET*) merupakan satu sektor yang diperkasa bagi memenuhi keperluan industri negara. Sektor ini merupakan latihan bagi laluan kerjaya berkeperluan tinggi kepada bakal-bakal graduannya di industri. Impak yang besar ke atas pemerikasaan sektor ini adalah perubahan landskap sistem pendidikan dan latihan negara apabila Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) menjabarkan bahawa latihan sektor ini wajar dipacu bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir negara (Unit Perancang Ekonomi (UPE), 2015b). Perkembangan positif ini merubah struktur dalam peningkatan pembangunan modal insan sedia ada negara bagi memenuhi aspirasi menuju negara maju berpendapatan tinggi.

Kajian semula dengan pengubah suaian Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) daripada 3 sektor dimurnikan menjadi 2 berupaya membentuk satu perkembangan identiti berteraskan pembangunan modal insan yang beracuan Malaysia (Unit Perancang Ekonomi (UPE), 2015a). Transformasi ke arah peningkatan kualiti secara berterusan dalam sistem latihan selari dengan perkembangan semasa teknologi di pelbagai bidang industri. Teknologi yang diperbaharui juga adalah sesuatu kesan kepada perkembangan sifat kreativiti dan inovasi yang memerlukan pekerja berkemahiran tinggi. Latihan kemahiran memainkan peranannya dalam menyediakan matlamat keberhasilan kepada lepasan persekolahan bagi memenuhi objektif latihan.

Penyampaian latihan kemahiran tidak berupaya direalisasikan dengan berkualiti sekiranya tenaga pengajar tidak berupaya memainkan peranannya dalam dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Tenaga pengajar bukan hanya pakar dalam bidang teknologi *know-how* sahaja tetapi juga perlu dilengkapi dengan latihan-latihan berasaskan pedagogikal. Pengajar yang cekap dan kompeten berjaya memberikan penyampaian latihan yang baik apabila aspek-aspek seperti persiapan yang baik, penyampaian yang berkesan dan kaedah pengujian yang kolektif dalam proses P&P. Seterusnya berupaya menepati kehendak objektif pembelajaran yang digariskan sebelum latihan bermula.

Kebolehan pedagogikal pengajar dengan penekanan kepada kreativiti dan inovasi dalam penyampaian berupaya mempertingkatkan kualiti sistem latihan dan persijilan (Azmil Hashim, 2015; Miroslav Somr, & Lenka Hruskova, 2014). Pengajar mempunyai tanggung jawab yang besar bukan sahaja kepada pencapaian pelajar malah membantu pihak pengurusan dan pentadbir latihan menambahbaik program dan kurikulum. Sekaligus memberi manfaat kepada pengurusan dan pemegang taruh dalam pelaksanaan program-program yang berkualiti. Manakala pelabur-pelabur luar disediakan dengan tenaga-tenaga kerja yang berkemahiran dalam penghasilan produk mereka.

Dari perspektif Islam pula, pengajar atau guru memainkan peranan dalam latihan kerana ianya adalah asas melahirkan insan yang berilmu berakhlak, beradab dan keberhasilan tingkah laku yang baik. Agama telah mewajibkan umatnya mencari ilmu dan mengamalkannya bagi kemakmuran manusia sejagat. Pencapaian prestasi yang baik apabila ilmu diperolehi diamalkan dan memberikan manfaat kepada manusia yang lain.

Seperkara lagi, prestasi pencapaian pelajar tidak hanya bergantung kepada standard dan kurikulum sahaja tanpa menyemak kaedah atau cara pengukuran prestasi pelajar yang dilaksanakan. Kaedah dan pendekatan dalam Teknik pengukuran juga wajar disemak supaya sesuai dengan keperluan semasa. Kenyataan ini adalah selari dengan penemuan John W. Creswell (2009) yang mendapati

pengukuran pencapaian yang wajar dan tepat adalah apabila alat pengukuran yang digunakan dapat mengukur perkara yang sepatutnya diukur.

Pengukuran pencapaian prestasi pelajar merupakan aktiviti-aktiviti yang mesti dilakukan oleh seseorang pengajar atau guru. Maklum balas pencapaian pelajar diperolehi menerusi pelbagai pendekatan, namun proses pengujian adalah kaedah paling lumrah dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Setiap tahun laporan pencapaian prestasi pelajar akan disediakan oleh pengajar bertujuan untuk semakan, pengesahan dan persijilan. Namun begitu, sama ada sedar atau tidak kaedah atau metodologi atau reka bentuk item pengukuran yang dibangunkan telah benar-benar menepati kehendak keberhasilan yang ditetapkan dalam objektif latihan atau sebaliknya. Justeru, terdapat persoalan adakah item soalan yang dibangunkan memenuhi kerangka dan kriteria pengukuran yang sebenarnya?

1.1 Rasional Pengukuran Holistik

Latihan kemahiran dalam negara adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara berseimbang, bersepadu dan holistik. Maklum balas ke atas perancangan, kurikulum, standard yang disediakan merupakan salah satu kriteria bagi mendapatkan maklumat pencapaian dalam proses P&P. Justeru, satu pengukuran pencapaian pelajar yang holistik wajar diperbincangkan dan disemak demi kebaikan bersama.

Beberapa penemuan tinjauan mendapati bahawa pembangunan item-item penilaian bagi sesi pengujian hanya bergantung kepada kepakaran individu pengajar atau guru sahaja. Panduan kerangka pembangunan item-item soalan merujuk kepada turutan hirarki aras Taksonomi Bloom telah berjaya dilaksanakan sejak sekian lama oleh pengajar-pengajar. Kerangka bersifat pengukuran kognitif telah diperkenalkan oleh *Benjamin Bloom* pada 1956 (*Benjamin S. Bloom et. al* 1956), sebaiknya wajar disemak semula supaya menepati keperluan pengukuran bersifat holistik.

Di peringkat nasional Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2015 telah menyediakan satu falsafah kondusif dinamakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Falsafah terdiri dari unsur-unsur Jasmani (J), Emosi (E), Rohani (R) dan Intelektual. Ianya bertujuan menangani arus pembangunan modal insan yang sentiasa berubah-ubah agar menjadi rujukan dalam kajian para penyelidik. Manakala Falsafah Pendidikan Islam (FPI) diangkat sebagai tunjang pendidikan apabila terdapat perubahan yang hendak dirancang. Jadual 1 menunjukkan kerangka konsep dalam mencapai aspirasi pendidikan dalam FPK yang bersifat holistik.

Jadual 1 - Struktur Holistik Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)	Jasmani (J)	Emosi (E)	Rohani (R)	Intelektual (I)
--------------------------------------	-------------	-----------	------------	-----------------

Seperkara yang amat penting dalam tinjauan ini adalah bertepatan dengan aspirasi nasional agar keberhasilan graduan yang bersifat holistik direalisasikan. Bakal-bakal graduan dalam sistem latihan negara wajar diperkukuhkan dengan kesepaduan bukan hanya unsur kognitif sahaja, malah unsur psikomotor dan afektif perlu diseimbangkan. Ini dijelaskan oleh Prof. Dr. Sidek Baba pada tahun 2006 dalam memperkasakan kehidupan masyarakat yang bersifat Rabban. Di mana maksud Rabhani dalam falsafah pendidikan Islam merupakan proses dengan keupayaan mengurus sesebuah

sistem berasaskan nilai-nilai baik dan murni agar pengurusan dilaksanakan dengan amanah, jujur dan adil. Beliau berpendapat kesan kepada matlamat ini melangsungkan kepada perubahan ke atas nilai tingkah laku, pemikiran, dan emosi akibat daripada program-program latihan yang dilaksanakan (Sidek Baba, 2006).

2. Unsur-unsur Kemanusiaan dan Kesepaduan Amalan

Menurut Imam Al-Ghazali r.a. di dalam Kitab Ihya Ulum al-Din, amalan badaniyah atau jasmani merupakan tindakan dan gerak kerja yang dilaksanakan secara fizikal. Tindakan anggota fizikal merupakan satu kerja amalan dikira ibadah apabila kefahaman ilmu berada di akal. Namun begitu, kesepaduan akal dengan amalan ibadah tidak mencukupi jika tiada unsur kerohanian yang diseimbangkan. Al-Ghazali r.a. juga pernah menukilkan,

“... tanda-tanda orang berilmu ialah di mana kata kata dan tindakan lahiriahnya sama. Ilmu yang ada dalam diri mereka mencerminkan akhlak dan adab yang dijelmakan secara zahir dalam amalnya”

Al-Ghazali r.a. menjelaskan lagi, sifat kejiwaan manusia berkaitan dengan unsur-unsur fitrahnya iaitu terdiri daripada sifat akal, hati (qalbu), nafsu, roh dan jasad. Kesemua unsur tersebut dibahagikan kepada 2 makna yang berbeza iaitu berperanan secara lahiriyah merujuk kepada jasad (jasmani), manakala keduanya unsur batiniyyah merujuk kepada kerohanian iaitu akal, hati, nafsu dan roh. Unsur kerohanian ini telah mempengaruhi faktor-faktor lahiriyah iaitu anggota fizikal (jasad dan deria manusia).

Pengukuhan holistik manusia bukan hanya bergantung kepada pengukuran akal sahaja, malah mengambil kira aspek kerohanian dalam menghasilkan insan yang benar-benar berkemahiran. Ini bermaksud pengukuran kemahiran anggota fizikal, penilaian adab dan akhlak serta tingkah laku mulia boleh diseimbangkan dalam sistem latihan PLTV/TVET.

Pengawalan perasaan juga berkait rapat dengan emosi dalam membentuk sifat-sifat lahiriyah. Menurut Al-Ghazali r.a. kesemuanya sudah pasti dipandu dan diurus oleh hati (qalbu), kerana akal tidak boleh bertindak tanpa bantuan hati yang mempunyai limitasi dalam berfikir. Justeru itu, kesepaduan unsur-unsur ditunjukkan dalam Jadual 2 merupakan potensi kepada pengukuran prestasi holistik. Manusia mempunyai punca dan nilai fitrah yang memaparkan unsur-unsur kemanusiaannya dan wujud sebagai kriteria asas pengukuran pencapaian menyeluruh seseorang individu.

Jadual 2 - Unsur-unsur Kemanusiaan menurut Al-Ghazali r.a. (H.M Zurkani Jahja, 1996)

Teologi Al-Ghazali r.a.	Akal (al-Aql)	Hati (al-Qalbu)	Nafsu (al-Nafs)	Roh (al-Ruh)	Jasmani (Jasad)
--------------------------------	----------------------	------------------------	------------------------	---------------------	------------------------

Berasaskan kepada unsur-unsur tersebut, keyakinan seseorang pelajar belajar adalah hadir di dalam hati (qalbu), manakala kefahaman akal berlaku setelah proses P&P berjalan. Keyakinan, kefahaman dan kepercayaan terhadap ilmu juga bergantung kepada kekuatan unsur-unsur akal dan hati (qalbu). Justeru proses pengamalan ilmu akan dizahirkan menerusi anggota fizikal ke dalam bentuk tingkah laku, adab dan akhlak (H.M Zurkani Jahja, 1996).

3. Pengukuran Pencapaian Kompetensi

Menurut Stuart E. Dreyfus et al. (1980) pencapaian kompetensi bergantung kepada kebolehan seseorang melakukan kerja atau tugas dengan cekap menerusi pengukuran tiga (3) elemen utama iaitu pengetahuan (Knowledge – K), kemahiran (Skills – S) dan sikap (Attitudes – A). Ketiga-tiga elemen tersebut dapat ditafsirkan secara ringkas ditunjukkan dalam Jadual 3, di mana elemen pengetahuan (K) mengukur kompetensi ‘apa yang tahu’; elemen kemahiran (S) ukur ‘apa boleh buat’; dan sikap (A) untuk menilai ‘apa yang cenderung untuk dilakukan’. Elemen pengetahuan, kemahiran dan sikap adalah penjelasan kepada pengukuran kompetensi bagi menjelaskan indikator kecekapan pelajar menurut keperluan yang diperjelaskan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/National Occupational Skills Standard (NOSS) (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2013). Penyesuaian konseptual hubungan matrik pengukuran pencapaian pelajar dalam latihan adalah hasil kajian terhadap pakar-pakar pengajar dan pengamal latihan sektor PLTV/TVET di peringkat nasional.

Jadual 3 - Elemen Pengukuran Pencapaian Kompetensi (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2013; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Elemen Pengukuran Kompetensi	Pengetahuan (Knowledge – K)	Kemahiran (Skills – S)	Sikap (Attitudes – A)
-------------------------------------	------------------------------------	-------------------------------	------------------------------

Di peringkat nasional, pengukuran pencapaian kemahiran diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat kebolehan pelajar melaksanakan sesuatu kompetensi gerak kerja praktikal dengan asas pertimbangan kepada domain psikomotor (Kamilah Radin Salim et al., 2012). Di bawah Akta 652, standard kemahiran pekerjaan SKPK/NOSS dirujuk bagi menilai tahap pencapaian prestasi kemahiran sebelum pengredan tahap diberikan kepada pelajar. SKPK/NOSS telah menetapkan kepada seluruh institusi berstatus Pusat Bertauliah (PB) wajib menyediakan latihan sekurang-kurangnya 70% kepada komponen praktikal berbandingkan 30% untuk komponen teoritikal. Namun jumlah waktu latihan tersebut bergantung kepada sektor-sektor dan bidang latihan yang disediakan dan tidak boleh berkurangan daripada 50% dalam latihan praktikal (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2013).

Bagaimanapun, tiada penjelasan yang terperinci berkaitan peratusan komponen praktikal (70%) terhadap unsur-unsur kerohanian dan intelektual. Manakala tiada maklumat berkaitan berapa jumlah peratusan unsur-unsur kemahiran dalam 30% komponen teoritikal (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2012).

4. Hubungan Dimensi Utama Pengukuran Holistik

Secara keseluruhannya mendapati bahawa segala penilaian atau pengukuran pencapaian prestasi pelajar sektor PLTV/TVET merujuk kepada sifat fitrah kemanusiaan. Kerana sifat dan karakter kemanusiaan yang asal berjaya memberikan penilaian yang benar-benar terhadap prestasi. Ilustrasi corak pembentukan pengukuran holistik ditunjukkan dalam rajah matrik seperti berikut,

Jadual 4 - Matrik Perbandingan Unsur-unsur Kerangka Penilaian Diubah Suai.

Konsep Teoritikal & Unsur	Matriks				
	I	II	III	IV	V
Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) *	Intelektual (I)	Emosi (E)	Rohani (R)		Jasmani (J)

Pengukuran Kompetensi **	Pengetahuan (Nilai Kognitif)	Sikap (Nilai Afektif)			Kemahiran (Nilai Psikomotor)
		Akal	Hati	Nafsu	
Teologi Al-Ghazali r.a ***	Akal	Hati	Nafsu	Roh	Jasmani

*Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) modal insan bertaqwa.

**Ciri kompetensi seseorang pelajar mengikut klasifikasi PLTV.


***Unsur semula jadi kemanusiaan rangsangan gerak kerja, berfikir dan nilai murni.

Unsur Jasmani (J), Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4 (2010) mencatatkan adalah berkaitan dengan ‘tubuh badan atau anggota selain unsur rohani’. Tubuh badan merupakan unsur jasmani diri manusia berbentuk fizikal yang dapat dicapai oleh penglihatan mata kasar, mampu bergerak atau digerakkan, mengalami proses pertumbuhan dan pengembangan yang boleh diukur.


Unsur Emosi (E), Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4 (2010) menjelaskan ‘perasaan jiwa yang kuat’ iaitu menggambarkan kepada elemen dalaman manusia. Menurut ahli fisiologi menyatakan bahawa emosi adalah perkara yang dihasilkan oleh elemen fisiologis yang bereaksi secara fizikal apabila perasaan diterjemahkan dalam bentuk yang boleh dilihat (Albert Bandura, 1977).

Unsur Rohani (R), Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4 (2010) mencatat, rohani bermaksud ‘batin yang berkaitan dengan roh, rohaniah atau jiwa manusia’ dan berlawanan dengan unsur jasmani. Unsur rohani merupakan perkara yang bukan berbentuk fizikal dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar.


Unsur Intelektual (I), merupakan ‘kemampuan berfikir dalam memahami sesuatu perkara’. Ahli-ahli psikologis Barat menjelaskan intelek adalah ‘kecekapan atau kecerdasan berfikir yang tinggi dimiliki oleh seseorang’, di mana seseorang itu mempunyai sifat yang dominan dan terarah kepada kecenderungan untuk berlakunya proses berfikir.



Rajah 1 - Tunjang Pengukuran Pencapaian



Rajah 2 - Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)



Rajah 3 - Pengukuran Kompetensi

Menurut al-Ghazali r.a., Akal (*aql*), Hati (*qalb*), Nafsu (*nafs*) dan Roh (*ruh*) merupakan unsur-unsur rohani. Unsur-unsur ini memerlukan unsur Jasmani (*jasd*) selaku tempat diamnya. Namun begitu, unsur-unsur rohani mempunyai kuasa yang dapat mempengaruhi unsur Jasmani (*jasd*) seseorang manusia (Haron Din, 1988; H. Saeful Anwar, 2007; H.M. Zurkani Jahja, 2009).

Kebergantungan di antara unsur Rohani dan Jasmani merupakan satu tunjang utama dalam diri yang melangsungkan kepada sifat-sifat semula jadi seseorang manusia.

5. Perbincangan

Menurut Imam al-Ghazali r.a. sifat-sifat kemanusiaan adalah disokong oleh fitrah kejadian manusia yang berasaskan kepada unsur-unsur yang dipaparkan dalam Rajah 1. Namun begitu keupayaan pengukuran kontempori sektor PLTV/TVET banyak merujuk kepada elemen-elemen dalam Rajah 3.

Oleh itu, bertepatan sekali dengan penjelasan Barat seperti John W. Creswell (2009) bahawa pengukuran yang baik adalah bergantung kepada kebolehan peralatan pengukuran yang dapat mengukur apa yang sebenar diukur dan memberikan keputusan yang tepat. Secara analoginya, ianya bersamaan berlaku terhadap pengukuran yang diberikan oleh pelajar melalui sesi-sesi pengujian. Di mana maklum balas oleh pelajar menerusi pengujian dianalisa berkaitan dengan aspek-aspek yang pelajar berupaya sediakan. Sebagai contoh, akal manusia boleh menyalurkan maklumat kefahaman. Manakala anggota badan (jasmani) manusia dapat memberikan maklumat berkaitan gerak kerja fizikal. Dan sifat kerohanian pula mencerminkan sesuatu unsur maklumat yang menentukan sikap dan perangai sebenar pelajar. Namun begitu dalam latihan, nilai emosi dan rohani (Rajah 2) juga mempunyai asas untuk diukur dan dizahirkan kriteria pengukurannya agar nilai kerohanian yang merujuk kepada domain afektif diberikan perhatian.

Justeru, kerangka kepada kaedah pengukuran yang holistik wajar mengandungi unsur kognitif yang merujuk akal mewakili teoritikal; unsur afektif yang merujuk kepada hati dan emosi/perasaan mewakili nilai sifat serta sikap; dan unsur jasmani yang mewakili nilai praktikal. Kerangka pengukuran dijangka dapat membantu pemarkahan mengikut pemberat yang dipersetujui pengurusan institusi latihan PLTV/TVET.

Secara keseluruhannya jurang terhadap kaedah pengukuran pencapaian pelajar masih boleh disemak agar pencapaian pelajar-pelajar di sektor PLTV/TVET dilaksanakan dengan lebih holistik lagi.

6. Kesimpulan

Pengukuran pencapaian prestasi pelajar merupakan kaedah mendapat maklum balas daripada pelajar dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) sama ada dalam pendidikan mahupun latihan kemahiran. Maklum balas menggunakan pendekatan kutipan maklumat yang hanya boleh diperolehi daripada pelajar untuk pengajar membuat penilaian. Elemen utama perlu dikumpulkan adalah perkara-perkara seperti kefahaman, kebolehan dan sikap berkenaan mata pelajaran yang disediakan. Rumusan daripada maklum balas dikenal pasti sebagai maklumat yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua entiti pelajar dan pengajar.

Pengukuran pencapaian prestasi bergantung kepada keberhasilan yang diperolehi apabila ilmu dan tindakan perbuatan selari dengan kefahaman yang telah diperolehi pelajar. Pengukuran prestasi secara holistik tidak hanya bergantung kepada kefahaman akal dan kebolehan kemahiran fizikal sahaja, tetapi perlu diseimbangkan dengan nilai-nilai murni bersifat kerohanian juga.

Keseimbangan dan kesepaduan unsur-unsur kemanusiaan sebenar mempunyai tahap kepercayaan dan kesahan yang tinggi dalam rumusan maklumat pengujian bagi sesi-sesi penilaian prestasi pelajar.

Rujukan

- Albert Bandura. (1977). *Self-Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change*. *Psychological Review*, Vol. 84(No. 2), pp. 191-215.
- Al-Ghazali. (1990). *Bimbingan Mu'minin* (Syed Ahmad Semait, Trans. Syaikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ed. PN 1978 ed.). Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Ghazali. (1993). *Ihya Ulum al-Din* (The Book of Worship Contents) (Fazl-ul-Karim, Trans. 1st. ed. Vol. 1st.). Karachi, Pakistan: Darul Ishaat.
- Azmil Hashim. (2015). Pedagogical Content Knowledge among the Teachers of Special Classes of Reading and Memorizing the Qur'an (KKQ) in Kuala Lumpur. *Journal of Educational and Social Research*. doi:10.5901/jesr.2015.v5n1s1p175.
- Benjamin S. Bloom, Max D. Engelhart, Edward J. Furst, Walker H. Hill, & David R. Krathwohl. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives*. In. London: Longmans, Green and Co. Ltd.
- H. Saeful Anwar. (2007). *Filsafat Ilmu al-Ghazali - Dimensi Ontologi dan Aksiologi* (Drs. Maman Abd. Djaliel Ed.). Bandung, Indonesia: CV Pustaka Setia.
- H.M. Zurkani Jahja. (2009). *Teologi al-Ghazali - Pendekatan Metodologi* (Farid Wajidi Ed.). Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar.
- Haron Din. (1988). *Manusia dan Islam*. Shah Alam, Malaysia: Hizbi Marketing Sdn. Bhd.
- H.M Zurkani Jahja. (1996). *Teologi Al-Ghazali: Pendekatan Metodologi* (Farid Wajidi Ed.). Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar Offset.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2012). *SKM (Sijil Kemahiran Malaysia): Gerbang Kerjaya Anda*. Putrajaya: Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2013). *National Occupational Skills Standard (NOSS) Guideline Putrajaya: Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM)*.
- John W. Creswell. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. California: SAGE Publications Ltd.
- Kamilah Radin Salim, Marlia Puteh, & Salwani Mohd Daud. (2012). *Assessing Students' Practical Skills in Basic Electronic Laboratory based on Psychomotor Domain Model*. *Procedia - Social and Behavioral*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi* (Cetakan Pertama ed.). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya, Malaysia: KPM.
- Miroslav Somr, & Lenka Hruskova. (2014). *Herbert's Philosophy of Pedagogy and Educational Teaching*. *Studia Edukacyjne*, pp. 413 - 429.
- Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal ALLAH Melalui Ilmu Dunia* (Mohd Noor Tahir Ed.). Shah Alam, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Stuart E. Dreyfus, & Hubert L. Dreyfus. (1980). *A Five-Stage Model of Mental Activities Involved in Directed Skill Acquisition* (University of California Operation Research Center, Trans.) (pp. 21). Berkely, US: Operation Research Center, University of California.
- Unit Perancang Ekonomi (UPE). (2015a). *Kertas Strategi 9 - Mentransformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional untuk Memenuhi Permintaan Industri*. In. Putrajaya, Malaysia: UPE, Jabatan Perdana Menteri.
- Unit Perancang Ekonomi (UPE). (2015b). *Rancangan Malaysia KeSebelas 2016-2020*. In. Putrajaya, Malaysia: UPE, Jabatan Perdana Menteri.